



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ TAHUN 1442H/2021M KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

---

**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 29 Rejab 1442H / 13 Mac 2021M** Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Tahun 1442H/2021M, yang diselanggarakan oleh Jabatan Perhutanan. Majlis berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Majlis juga diselajurkan dengan meraikan pengislamanan salah seorang warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah memeluk agama Islam pada 11 Mac 2021.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi dan Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar; Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis disemarakkan dengan ceramah khas bertajuk 'Sembahyang Teras Kecemerlangan Ummat' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Yang Mulia Dr. Haji Harapandi Amaq Hairani, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath.

Majlis Sambutan ini merupakan kegiatan tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menyemarakkan lagi sambutan Isra' dan Mi'raj serta memperingati peristiwa agung Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad Shalallahu 'Alaihi Wassalam disamping untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

**/TAMAT.**

Di keluarkan oleh:  
Jabatan Perhutanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 13 Mac 2021M